

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]**

TARIKH : 17.6.2015

SOALAN :

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah bentuk usaha yang dilakukan oleh Kementerian dalam memperlihatkan keseriusan dan ketegasan berkaitan penggunaan, penguasaan dan pemerkasakan Bahasa Melayu di sekolah dan universiti bagi memastikan pelajar benar-benar menguasai bahasa kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penekanan berkaitan penggunaan, penguasaan dan pemerksaan bahasa Malaysia di sekolah dan universiti diberikan kepada tiga kriteria utama iaitu, memartabatkan bahasa Malaysia dalam konteks kepelbagaian, modus operandi pemerksaan bahasa Malaysia dan bahasa Malaysia tinggi dan nilai ekonominya.

Dalam bidang pendidikan, kerajaan memartabatkan bahasa Malaysia melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) dan melalui Jawatankuasa Kerja Memartabatkan bahasa Malaysia (MBM) yang terletak di bawah Jawatankuasa Induk Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI).

Usaha untuk meningkatkan penggunaan Bahasa Kebangsaan di sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melakukan tranformasi terhadap Kurikulum BM sedia ada melalui penggubalan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) sejak 2011 dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mulai 2017. Kurikulum standard bahasa Malaysia sekolah menengah menetapkan standard kandungan dan standard pembelajaran yang berasaskan kemahiran bahasa, aspek seni bahasa dan tatabahasa bertujuan untuk memastikan murid mencapai tahap kecekapan (kompetensi) bahasa Malaysia yang baik bagi urusan peribadi, hubungan awam, melanjutkan pengajian dan alam kerjaya.

Manakala pada peringkat universiti, kerajaan melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (2015-2025) dan usaha memartabatkan bahasa Malaysia diperhalus melalui Pelan Tindakan Memartabatkan bahasa Malaysia sebagai Bahasa Ilmu di IPTA 2011-2015. Hal ini diperjelaskan melalui Atribut Pelajar dan Graduan di bawah perkara Identiti Kebangsaan dan Kemahiran Bahasa.

RJM113